

Zurich Malaysia Melancarkan Cawangan Baru di Johor Bahru, Memperkukuh Komitmen Terhadap Komuniti di Wilayah Selatan

Johor Bahru, 6 Februari 2025 – Zurich Malaysia mengumumkan pembukaan cawangan barunya di Mid Valley Southkey (MVS) South Tower, Johor Bahru bertujuan untuk mengembangkan sayap perkhidmatannya di wilayah selatan. Terletak di lokasi strategik dalam kawasan pembangunan ikonik Mid Valley Southkey, cawangan itu menyediakan pengalaman perkhidmatan yang lancar dan inovatif dengan menawarkan produk konvensional dan takaful di bawah satu bumbung.

Cawangan utama ini merangkumi ruang pejabat dua (2) tingkat berkeluasan kira-kira 15,000 kaki persegi, ia mencerminkan komitmen Zurich Malaysia untuk menyediakan persekitaran moden yang mengutamakan pelanggan. Tingkat bawah menempatkan ruang operasi perbankan, manakala tingkat 19 menampilkan ruang pejabat yang direka bentuk untuk tujuan menjalinkan kerjasama, produktiviti dan inovasi. Lokasinya yang strategik berhampiran laluan utama seperti Eastern Dispersal Link (EDL) dan Pusat Pemeriksaan Woodlands menjadikannya mudah diakses oleh pelanggan dan rakan kongsi perniagaan.

Cawangan baru itu turut menawarkan pelbagai kemudahan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan warga kerja Zurich Malaysia. Antara kemudahan yang disediakan untuk pelanggan termasuk ruang santai dan Wi-Fi percuma di kedua-dua tingkat cawangan itu. Bagi memenuhi keperluan latihan untuk rangkaian agensi Zurich, tiga bilik Pusat Pengurusan & Pembangunan Bakat (TMDC) disediakan dan dilengkapi dengan teknologi terkini dan internet berkelajuan tinggi. Selain itu, kemudahan surau turut disediakan untuk pengunjung di tingkat 6 menara selatan.

Cawangan baru itu akan menempatkan lebih 40 warga kerja Zurich Malaysia yang komited untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan mengutamakan pelanggan kepada ejen insurans hayat dan takaful keluarga Zurich Malaysia, serta ejen insurans dan takaful am. Ini penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang lancar untuk seluruh segmen konvensional dan takaful Zurich Malaysia.

Berucap semasa majlis pelancaran berlangsung, Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia, berkata “Pembukaan cawangan kami di Johor Bahru membuktikan komitmen kami untuk menyediakan pelan perlindungan yang mudah diakses, inovatif dan mengutamakan pelanggan. Cawangan ini mencerminkan etos jenama kami iaitu “Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna”, membantu individu dan keluarga mereka dalam setiap langkah perjalanan hidup mereka. Kami berbangga dapat memberikan keselesaan dan kemudahan yang lebih baik kepada pelanggan serta mengukuhkan hubungan kami dengan komuniti di wilayah selatan.”

Majlis perasmian pembukaan cawangan baru itu turut diserikan dengan kehadiran pengurusan kanan Zurich Malaysia, termasuk Pauline Teoh, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Life Insurance Malaysia Berhad; Nur Fatimah Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Takaful Malaysia Berhad; Shamsul Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich General Takaful Malaysia Berhad; dan Tan Mei Sian, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan IGB Berhad.

Cawangan baru Zurich Malaysia Johor Bahru memulakan operasinya pada 20 Januari 2025, dan terletak di Tingkat Bawah, Lot G.01, dan Tingkat 19, Mid Valley South Tower, Persiaran Southkey 1, 80150 Johor Bahru.

Untuk maklumat lanjut tentang pelan insurans dan takaful Zurich Malaysia, sila layari zurich.com.my.

###

Siaran Media

6 Februari 2025



Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.